MAHATHIR - RAZALEIGH
(1),

1984

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI D R. MAHATHIR MOHAMAD ENGGAN MENGULAS APABILA DITANYA OLEH PARA WARTAWAN MENGENAL KENYATAAN HEMAT MAE FOON THAN , ORANG YANG TERTUDUH DALAM PERBICARAAN JALIL IBRAHIM, YANG MENDAKWA KONONNYA MENTERI KEWANGAN, TENGKU RAZALEIGH HAMZAH MENGHANTARNYA (MAK) KE HONG KONG UNTUK MENGAMBIL WANG AS$4 JUTA (KIRA-KIRA M$13.8 JUTA).

+SAYA TIDAK MEMPUNYAI APA-APA ULASAN,+ KATA PERDANA MENTERI SELEPAS MEMBUKA KOMPLEKS DAYABUMI DI SINI HARI INI.

BELIAU JUGA ENGGAN MENGULAS APABILA DITANYA SAMA ADA KENYATAAN HEMAT MAK YANG- JYGA MEMBABITKAN MENTERI-MENTERI KABINET MALAYSIA , MENIMBULKAN KERAGUAN TERHADAP KEWIBAWAAN KEPIMPINAN MELAYU.

+SAYA TIDAK DAPAT MEMBUKA MULUT TANPA ANDA MENULIS BERBAGAI-BAGAI PERKARA YANG BUKAN-BUKAN , + JAWAB BELIAU.

DI TANYA MENENAI KRISIS MCA, BELIAU MENJAWAB: +ITU ADALAH URUSAN MCA.+ -- BERNAMA 1625/SL